

IMPLEMENTASI SUNNAH DALAM KONTEKS PENJAGAAN KESIHATAN DI HOSPITAL ERA KERAJAAN ‘UTHMANIYYAH

Nur Ainul Basyirah Alias*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak,
Malaysia

Murihah Abdullah

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak,
Malaysia

**Corresponding Author's Email: basyirah90@fsk.upsi.edu.my*

Article history:

Received : 20 Oktober 2023

Accepted : 13 November 2023

Published : 22 Disember 2023

ABSTRAK

Pembangunan institusi kesihatan dalam sejarah Islam khususnya hospital (Dârûşşifası) dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah sangat memberi impak positif kepada masyarakat. Kebiasaannya, ia ditubuhkan melalui dana wakaf pemerintah namun terdapat juga sumber kewangan daripada orang perseorangan. Hal ini kerana, sultan dan masyarakat ‘Uthmaniyyah terinspirasi dengan hadis Rasulullah SAW berkenaan kelebihan berwakaf yang dilihat berterusan memberi ganjaran kepada pewakaf. Bukan itu sahaja, hal berkaitan penjagaan kesihatan berpandukan hadis juga turut dipraktikkan dalam institusi tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti praktikal penjagaan kesihatan yang berteraskan sunnah ketika era kerajaan ‘Uthmaniyyah. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas serta metode analisis yang digunakan adalah metode tematik. Hasil kajian mendapati terdapat amalan penjagaan kesihatan bersandarkan sunnah Rasulullah SAW yang dilakukan di hospital era ‘Uthmaniyyah sejak abad ke-14 Masihi lagi. Ia kemudiannya masih diteruskan meskipun pada abad ke-19 Masihi, ilmu perubatan dan peralatan moden diperkenalkan dalam hospital-hospital tersebut. Justeru, perbincangan ini diharapkan dapat memberikan persepsi yang benar berkaitan penjagaan kesihatan menurut Islam serta praktikal perubatan Islam dengan membawa contoh yang telah dilaksanakan dalam hospital era ‘Uthmaniyyah.

Kata Kunci: Hospital; Perubatan Islam; Kerajaan ‘Uthmaniyyah; Penjagaan Kesihatan; Wakaf

IMPLEMENTATION OF SUNNAH IN THE CONTEXT OF HEALTH CARE IN HOSPITALS IN THE ERA OF THE OTTOMAN EMPIRE

ABSTRACT

The Development of healthcare institutions in Islamic history, particularly hospitals (Dârüṣṣifası) in the Ottoman Empire, had a significantly positive impact on society. Typically, these institutions were established through government endowments (wakaf) but also received financial support from individuals. This was because the Sultan and the Ottoman society were inspired by the Hadith of the Prophet Muhammad (SAW) regarding the rewards of continuous charitable endowments. Moreover, healthcare practices based on Hadith were also implemented in these institutions. Therefore, this study aims to examine healthcare practices based on the Sunnah during the Ottoman Empire era. The research methodology used in this study is qualitative, applying content analysis to past studies, and utilizing thematic analysis methods. The study found that healthcare practices based on the Sunnah of the Prophet Muhammad (SAW) were conducted in Ottoman hospitals since the 14th century CE. These practices continued even into the 19th century CE when modern medical knowledge and equipment were introduced into these hospitals. Hence, this discussion is expected to provide a true understanding of healthcare in Islam and the practical aspects of Islamic medicine by presenting examples implemented in Ottoman-era hospitals..

Keywords: Hospital; Islamic Medicine; Ottoman Empire; Healthcare; Waqf

PENDAHULUAN

Agama Islam sangat mementingkan aspek kesehatan seseorang daripada segi jasmani dan rohani. Umat Islam dituntut untuk menjaga tubuh badan agar sentiasa dalam keadaan sihat (JAKIM, 2015; Che Wan Jasimah Wan Mohamed, 2000). Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

“.. Sesungguhnya sebaik-baik orang yang kami ambil untuk bekerja ialah orang yang kuat dan yang beramanah.”

(Surah al-Qasas, ayat 26)

Walau bagaimanapun, apabila seseorang muslim diuji dengan sakit, mereka dituntut untuk berikhtiar bagi mengubati penyakit tersebut. Dalam konteks pengubatan, umat Islam harus menyedari bahawa:

- a) Kuasa penyembuhan hanyalah milik Allah SWT;
- b) Manusia hanya dikehendaki berikhtiar untuk mengubati penyakit;
- c) Usaha dan ikhtiar dalam mengubati penyakit hendaklah tidak bertentangan dengan prinsip yang ditetapkan Islam contohnya penggunaan ilmu hitam;
- d) Bahan dan alat yang digunakan adalah suci.

Oleh yang demikian, di sepanjang sejarah tamadun Islam telah tertubuhnya pelbagai institusi kesihatan sama ada untuk orang awam mahupun pusat kesihatan khusus seperti hospital mental dan pusat penjagaan golongan orang kurang upaya. Hal ini tidak terkecuali dilihat dalam sejarah kerajaan ‘Uthmaniyyah yang diasaskan oleh ‘Uthman bin Ertughrul. Kerajaan ini wujud antara abad ke-13M hingga abad ke-20M dan dikatakan memakan masa lebih kurang 643 tahun (Abdul-Ramae Sulong, 2013). Dalam tempoh tersebut, kerajaan ini melalui pelbagai peristiwa dan mencipta kemajuan yang memberi manfaat khususnya dalam aspek kesihatan. Sebagai contoh, pemodenan berlaku di mana Sultan Mahmud II mengambil langkah menubuhkan hospital tentera (Fadhilah & Maisarah, 2021). Malah, kerajaan ‘Uthmaniyyah telah memajukan institusi kesihatan ini melalau sistem wakaf atau dikenali sebagai ‘Vakıf’ dan mewujudkan pelbagai infrastruktur untuk kegunaan masyarakat melalui dana wakaf (Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2017). Institusi wakaf dicatatkan telah banyak membantu masyarakat ‘Uthmaniyyah khususnya dari aspek penyediaan makanan kepada fakir miskin serta kemudahan hospital untuk rakyat (Abu Hanifah, 2020). Pembangunan institusi kesihatan dalam sejarah Islam khususnya hospital (*Dârü’sşifası*) dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah sangat memberi impak positif kepada masyarakat (Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2016).

Pendapatan wakaf ini diperoleh melalui penderma daripada harta komersial seperti kedai, kilang dan juga pasar. Kebiasaannya, ia ditubuhkan melalui dana wakaf pemerintah namun terdapat juga sumber kewangan daripada orang perseorangan (Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2016). Hasil wakaf juga diperoleh melalui sewa rumah dan hasil pertanian. Melalui kewujudan institusi wakaf ini banyak membantu daripada aspek pengagihan makanan, perubatan serta pendidikan kepada rakyat ‘Uthmaniyyah khususnya fakir miskin tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan (Abu Hanifah, 2020). Hal ini dapat dilihat daripada pembinaan Kompleks Suleymaniye yang merupakan hasil wakaf dengan menempatkan Masjid Suleymaniye, beberapa madrasah, hospital dan pasar di dalamnya.

Secara umumnya, sultan dan rakyat ‘Uthmaniyyah terinspirasi dengan hadis Rasulullah SAW berkenaan kelebihan berwakaf yang dilihat berterusan memberi ganjaran kepada pewakaf (Nur Ainul Basyirah & Ermy Azziaty, 2016). Bukan itu sahaja, hal berkaitan penjagaan kesihatan berpandukan hadis juga turut dipraktikkan dalam institusi kesihatan ‘Uthmaniyyah. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk meneliti praktikal penjagaan kesihatan yang berteraskan sunnah ketika era kerajaan ‘Uthmaniyyah.

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan metode kualitatif yang berbentuk kajian sejarah. Manakala, kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan dengan mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap kajian-kajian lepas. Kajian ini memperoleh sumber maklumat yang berkaitan institusi kesihatan dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah yang mengamalkan penjagaan kesihatan berteraskan sunnah. Ia terdiri daripada penulisan buku, artikel jurnal, tesis, ensiklopedia dan lain-lain.

Metode analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah metode tematik dengan mengklasifikasikan maklumat yang diperolehi mengikut tema berkenaan fokus kajian ini iaitu amalan penjagaan kesihatan menurut sunnah Rasulullah SAW sama ada dari sudut pemakanan, cara perubatan, penjagaan kesihatan dan sebagainya. Seterusnya, ialah meneliti amalan-amalan tersebut yang diterapkan dalam institusi kesihatan kerajaan 'Uthmaniyyah.

PENJAGAAN KESIHATAN MENURUT SUNNAH RASULULLAH SAW

Islam merupakan agama yang menekankan kepentingan pencegahan terhadap penyakit berbanding dengan merawat sesuatu penyakit (Abur Hamdi & Umar, 2021). Rasulullah SAW memberi peringatan kepada umatnya agar memanfaatkan masa sihat sebelum datangnya waktu sakit. Memelihara dan menjaga diri daripada menghidapi penyakit adalah lebih baik. Merujuk kepada sirah, Nabi SAW pernah menemui Ummu Saib, lalu bertanya :

“Wahai Ummu Saib, apa yang terjadi pada dirimu seperti kamu menggigil? Ummu Saib menjawab : “Aku terkena demam, semoga Allah tidak memberi keberkahan kepadanya.” Lantas Nabi SAW berkata: “Janganlah kamu mencaci penyakit demam, kerana sesungguhnya (dengan penyakit itu) Allah akan menghapuskan dosa-dosa anak Adam sebagaimana tungku api menghilangkan kotoran besi.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, seseorang muslim tidak wajar mencaci penyakit yang dialami, sehingga berburuk sangka kepada Allah SWT. Hal ini sewajarnya menjadikan seseorang muslim agar kembali mengingatkan Allah SWT. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa penjagaan kesihatan dan merawat penyakit merupakan sebahagian tuntutan dalam Islam (al-Duwaisiri, 2016).

Jika diteliti hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan isu perubatan, maka didapati bahawa baginda SAW memberikan ruang kepada umatnya untuk memilih kaedah rawatan yang terbaik sesuai dengan kadar sakit yang menimpa mereka (Abur Hamdi & Umar, 2021). Baginda SAW memberikan saranan kepada para sahabat untuk merawat penyakit yang menimpa mereka dengan pelbagai inisiatif berdasarkan petunjuk yang dikurniakan oleh Allah SWT (Abur Hamdi & Umar, 2021). Daripada Usamah bin Syarik, bahawasanya Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

“Benar wahai hamba-hamba Allah, rawatlah segala penyakit kalian, sesungguhnya Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan turun bersamanya penawar.”

(al-Tirmizi, 2009)

Antara langkah pencegahan dan rawatan yang disarankan oleh baginda SAW dalam hadis riwayat al-Bukhari (1997) ialah:

a. Rawatan untuk demam

Saidatina Aisyah RA meriwayatkan, "Nabi SAW bersabda, "Demam itu adalah sebahagian daripada wap neraka Jahanam. Oleh itu, sejukkanlah (redakan) ia dengan air."

(Hadis al-Bukhari, no. 5725)

b. Berbekam untuk merawat penyakit seperti pening kepala

Ibnu Abbas RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW berbekam di atas kepala ketika baginda sedang ihram kerana migrain yang dialaminya.

(Hadis al-Bukhari, no. 5701)

c. Makan kurma khususnya kurma ajwa

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa setiap pagi memakan kurma ajwa sebanyak tujuh biji, nescaya pada hari itu tidak akan terkena racun atau sihir."

(Hadis al-Bukhari, no. 5445)

d. Membaca ayat al-Quran

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA bahawa Nabi SAW menghembus kepada dirinya sendiri dengan *mu'awwizat* (Surah an-Nas dan al-Falaq) ketika baginda sakit yang membawa kepada kewafatannya. Ketika sakit baginda semakin parah, akulah yang menghembuskan kedua-dua surah tersebut kepada baginda dan aku juga mengusapkannya (pada badannya) dengan tangan baginda sendiri untuk mendapatkan keberkatannya. Aku berkata kepada az-Zuhri, "Bagaimana baginda berhembus?" Dia menjawab, "Baginda menghembuskan pada kedua-dua tangannya dan kemudian baginda mengusapkan ke wajahnya dengan kedua-dua tangannya.

(Hadis al-Bukhari, no. 5735).

e. Khasiat madu dalam rawatan

Ibnu Abbas meriwayatkan, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Terdapat penawar dalam tiga perkara: iaitu hirisan atau sedutan alat bekam, minum madu atau kay (yakni perubatan menggunakan besi panas). Namun, aku melarang umatku berubat menggunakan kaedah al-kay."

(Hadis al-Bukhari, no. 5681)

Selain itu, ia berfungsi dalam mengubati sakit perut. Ini boleh dilihat daripada hadis yang diriwayatkan dari Abu Sa'id, "Seorang lelaki

datang menemui Nabi SAW lalu berkata, “Saudara lelakimu sakit perut (cirit birit).” Baginda bersabda, “Berilah dia minum madu.” Orang itu pun memberi minum madu kepadanya, namun sakitnya semakin parah.” Baginda bersabda, “Allah Maha Benar, namun perut saudara lelakimu yang berdusta.” Hadis ini disokong oleh riwayat Nadhir bin Syu’bah (Hadis al-Bukhari, no. 5716).

f. Khasiat makanan tertentu seperti habbatus sauda’

Dalam hadis riwayat Ibnu Syihab, Abu Salamah bin Musayyab mengkhabarkan kepadaku bahawa Abu Hurairah RA mengkhabarkan kepadanya bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Terdapat penawar pada Habbatus Sauda untuk semua penyakit kecuali as-Sam (iaitu kematian)”*

(Hadis al-Bukhari, no. 5688)

HOSPITAL DALAM ERA KERAJAAN ‘UTHMANIYYAH

Hospital Umum

i. Hospital Gevher Nesibe, Kayseri

Hospital Gevher Nesibe merupakan hospital yang dibina pada awal abad ke-13M, iaitu pada tahun 1206M dan merupakan contoh hospital yang dibiayai oleh pemerintah dan bangsawan. Ia terletak di sebuah wilayah bernama Kayseri dan dibina bagi memberi penghormatan kepada puteri kerajaan Saljuq, iaitu Gevher Nesibe saudara perempuan kepada Ghiyatin al-Din Kaykhusraw, seorang raja kerajaan Saljuq. Ia mempunyai sebuah jabatan khusus dalam bidang neuropsikatri (Naderi & Erbenji, 2005). Walaupun ia merupakan hospital yang dibina dalam kerajaan Saljuq, namun ia tetap beroperasi di bawah pemerintahan ‘Uthmaniyyah.

Hospital ini dibina berhampiran dengan Madrasah Ghiyathiya dan dipisahkan oleh dinding yang sama. Madrasah ini adalah sebuah sekolah perubatan yang menjadikan Hospital Gevher Nesibe sebagai tempat para pelajar untuk menjalankan latihan klinikal. Keluasan madrasah ini lebih kecil daripada hospital yang berukuran kira-kira 40 x 30 meter. Walau bagaimanapun, hospital ini bukanlah semata-mata dibina bagi kemudahan doktor dan pelajar perubatan sahaja, namun begitu ia turut memberi khidmat kepada masyarakat. Kehadiran madrasah dan hospital pada ketika itu memberi gambaran bahawa pembangunan sains dan inovasi berlaku seawal abad ke-13M lagi (Sayili, 1941). Seperti mana kebanyakan hospital yang dibina awal abad ke-13M dan 14M yang menempatkan rawatan khusus untuk pesakit mental, hospital ini juga melakukan hal yang sama dengan mewujudkan salah satu ruangan khas bagi pesakit mental.

ii. Hospital Amasya

Hospital Amasya ini terletak di wilayah bernama Amasya dan dibina pada tahun 1308M. Hospital ini bukanlah dibina pada pemerintahan kerajaan ‘Uthmaniyyah namun begitu, ia masih wujud dan aktif pada waktu pemerintahan kerajaan tersebut. Malah hospital ini juga merupakan salah satu hospital yang dibiayai oleh hasil wakaf yang diagih-agihkan untuk kegunaan dan perkhidmatan hospital dan para pelajar perubatan. Hospital ini menyediakan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar perubatan. Menariknya ialah, salah satu pakar perubatan dalam sejarah ‘Uthmaniyyah iaitu Şerefeddin Sabunoğlu merupakan doktor yang bertugas di hospital ini. Beliau juga ialah penulis buku perubatan *Cerrahiyetül Haniye* yang menjadi rujukan bidang perubatan sehingga sekarang. Antara penyakit-penyakit yang dirawat di Hospital Amasya berdasarkan rekod yang ditulis ialah penyakit mental, penyakit mata dan beberapa penyakit lain. Di samping itu, kebajikan para pesakit sangat dijaga daripada segi pemakanan dan ubat-ubatan yang diberikan oleh doktor. Pihak hospital menyediakan ramuan ubat-ubatan yang mengandungi herba dan makanan yang berkhasiat untuk para pesakit (Bakır & Başağaoğlu, 2006).

iii. Hospital Beyazit I

Hospital pertama yang dibina dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah melalui dana wakaf ialah Hospital Beyazit I yang terletak di Bursa (Mossensohn, 2003). Ia dibina pada tarikh 12 Mei 1400M dan terletak bersebelahan dengan sebuah masjid di dalam Kompleks Beyazit I, Bursa. Hospital ini mengambil contoh model hospital dalam kerajaan Saljuq dan ia dinamakan bersempena nama pemerintah pada ketika itu, iaitu Sultan Beyazit I yang memerintah pada tahun 1389M-1402M. Menurut Sari (2005), pakar perubatan di hospital ini dilatih di sekolah perubatan dan mempunyai bilik khusus di dalam hospital tersebut.

Penubuhan piagam hospital ini kemudiannya dicatat oleh seorang kadi di Bursa, iaitu Molla Fenâri Mehmed b. Hamza. Pada awal penubuhannya, terdapat sebuah bahagian sahaja bagi menempatkan pesakit mental. Namun begitu, setelah beberapa tahun kemudian hospital ini telah bertukar sepenuhnya menjadi sebuah hospital untuk pesakit mental sehinggalah akhir abad ke-19M (Ayduz, 2004). Menurut Kahya dan Erdemir (1997), staf di hospital ini meliputi ketua doktor, doktor bedah, doktor pakar, doktor mata, ahli farmasi, tukang masak dan tukang cuci.

iv. Hospital Fatih

Hospital Fatih yang terletak di dalam kompleks Fatih, Istanbul dan merupakan hospital wakaf pertama yang dibina setelah pusat pentadbiran kerajaan ‘Uthmaniyyah berubah dari Edirne ke Istanbul pada tahun 1453M. Ia siap dibina oleh seorang arkitek berbangsa Greek yang bernama Atik Sinan pada tahun 1470M. Pengasas kepada penubuhan hospital ini merupakan Sultan Mehmet II yang memerintah kerajaan ‘Uthmaniyyah pada tahun 1451M-1481M. Lokasi hospital ini

terletak di atas tapak gereja *Holy Apostles* yang mana ditawan oleh umat Islam apabila kota Konstantinople jatuh ke tangan tentera Islam (Clark, 2010).

Hospital ini mempunyai 80 buah *dome* (bilik yang berbentuk bulat) dan 70 buah bilik yang mengasingkan pesakit wanita dengan pesakit lelaki. Terdapat juga ruangan bagi menempatkan pesakit bukan Islam. Untuk melengkapkan petugas di Hospital Fatih ini, Sultan Mehmet II menjemput beberapa doktor daripada luar Istanbul untuk berkhidmat di hospital beliau. Antaranya ialah dua orang doktor lelaki berbangsa Iran yang bernama Qutb al-Dīn al- Ajamī dan Ya'qūb Pasha. Salah seorang daripada mereka kemudiannya dilantik sebagai doktor peribadi Sultan Mehmet II sendiri (Ayduz, 2007). Kedua mereka merupakan doktor pakar mata, pakar bedah dan juga ahli farmasi. Selain itu, ditugaskan dua orang tukang masak untuk menyediakan hidangan kepada para pesakit di hospital ini (Clark, 2010).

Selain itu, cara rawatan bagi pesakit mental dan penyakit lain di hospital ini adalah dengan menggunakan alunan muzik dan bunyi-bunyian. Sebagaimana yang direkodkan pada pertengahan abad ke-15M, Sultan Mehmet II menerima kemasukan para pelarian Muslim, Yahudi dan Kristian yang telah menjadi mangsa kekejaman di Andalus oleh pemerintah di sana. Kebanyakan mereka masih lagi trauma dan kemudiaannya menjadi pesakit mental yang dirawat di hospital ini. Hospital mental ini juga menampung mangsa-mangsa perang dan tentera yang cedera. Penggunaan muzik ini adalah antara cara bagi meredakan kesakitan yang ditanggung oleh mereka.

v. Hospital Beyazit II

Hospital Beyazit II yang terletak di dalam Kompleks Beyazit II ini mula dibina bersama keseluruhan bahagian kompleks sekitar tahun 1484M dan siap pada tahun 1488M. Ia terletak di Edirne dan dibina oleh arkitek bernama Hayrettin. Hospital ini dibina bersama dengan sekolah perubatan dan mengandungi tiga bahagian di dalamnya (Pulular & Levy, 2021). Bahagian pertama menempatkan enam bilik pesakit luar dan bilik servis seperti dapur, dobi, dan stor ubat-ubatan. Empat bilik pentadbiran pula terletak di bahagian kedua hospital ini. Manakala di bahagian ketiga hanya terdapat bilik pesakit yang ditempatkan di wad.

Pada awal penubuhan hospital ini, ramai pesakit yang datang untuk mendapatkan khidmat rawatan dan ubatan. Namun begitu, setelah abad ke-16M, hospital ini khasnya menjadi hospital bagi pesakit mental. Ia telah diubah suai dengan sangat baik bagi keselesaan pesakit. Oleh itu, hospital ini mewujudkan sebuah akustik kerana cara rawatan menggunakan bunyi muzik dan air pancut adalah berkesan ke atas pesakit mental (Pulular & Levy, 2021). Di tengah-tengah hospital ini pula terdapat sebuah dewan yang besar menempatkan enam bilik untuk musim sejuk dan empat bilik untuk musim panas.

Kebiasaannya sekolah perubatan dalam kerajaan 'Uthmaniyyah ditempatkan di bawah struktur bangunan hospital. Begitu juga dengan Hospital Beyazit II ini. Sekolah perubatan (*Medresetü'l-Etibba*) ini berada di bahagian pertama hospital ini dan mempunyai 18 bilik pelajar dan kelas. Guru pertama yang mengajar di situ ialah Sheikh Lütfullahzade Bahaüddin. Para pelajar didedahkan kepada pengajaran asas sains dan kemudiannya dilatih menjadi doktor di Hospital Beyazit II dengan

pengawasan doktor pakar. Menurut Heybeli (2009), hospital ini kini telah bertukar menjadi muzium kesihatan pada tahun 1997 dan dianugerahkan *Museum Prize* pada tahun 2004.

vi. Hospital Suleymaniye

Abad ke-16M merupakan zaman keemasan dalam penaklukan wilayah, ketenteraan dan perkembangan ilmu pengetahuan dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah. Kemuncak perkembangan ilmu pengetahuan ini memperlihatkan pelbagai institusi kesihatan dan pendidikan wakaf ditubuhkan dengan lebih banyak kerana jumlah rakyat yang semakin bertambah dari masa ke semasa. Hal ini didorong oleh kemasukan imigran luar daripada Eropah dan Asia yang datang ke Istanbul bagi pelbagai tujuan seperti perdagangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti saintifik. Pada ketika ini, kerajaan ‘Uthmaniyyah diperintah oleh Sultan Suleyman al-Qānūnī. Dengan memegang gelaran Sultan Suleyman yang hebat (*Suleymaniye the Magnificent*), beliau melakukan banyak perubahan, malah seperti tradisi pemerintah kerajaan ‘Uthmaniyyah, beliau juga membina sebuah kompleks yang dinamakan kompleks Suleymaniye.

Seperti mana Sultan Mehmet II ketika penubuhan Hospital Fatih, Sultan Suleyman juga melantik seorang doktor pakar mata berbangsa Yahudi bernama Mūsā bin Hāmūn untuk berkhidmat sebagai doktor peribadinya. Begitu juga terdapat ramai doktor bukan Islam yang bertugas di istana beliau. Setelah itu, bilangan pakar perubatan mula bertambah lebih-lebih lagi apabila sekolah perubatan Suleymaniye ditubuhkan. Uniknyanya, bangunan Hospital Suleymaniye ini dibina bersambung dengan beberapa bangunan lain yang berkaitan dengannya seperti sekolah perubatan, stor ubat-ubatan, tempat rehat bagi pesakit setelah pulih daripada penyakit mereka (*tabhane*) dan dapur awam (*imaret*). Hal ini bagi memudahkan para pelajar sekolah perubatan untuk mempraktikkan terus teori yang mereka pelajari di dalam kelas. Pembinaan sekolah perubatan dan hospital secara bersebelahan di Kompleks Suleymaniye ini merupakan hal yang pertama kali dilakukan di Istanbul malah ia menyerupai hospital universiti pada zaman sekarang. Begitu juga dengan stor ubat-ubatan, dapur awam dan tabhane yang berfungsi secara langsung kepada keperluan hospital (Ayduz, 2007).

Hospital Wanita Sahaja

i. Hospital Zeynap-Kamil

Dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah juga terdapat beberapa hospital wakaf persendirian yang ditubuhkan untuk masyarakat awam. Antara hospital wakaf persendirian yang terawal ialah Hospital Zeynap-Kamil yang dibina pada tahun 1875M. Pengasas hospital ini adalah merupakan bangsawan penting dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah, iaitu menteri semasa pemerintahan Sultan ‘Abdulaziz, Yusuf Kamil Pasha dan isteri beliau Puteri Zeynap, iaitu anak kepada Mohammad ‘Ali, seorang penguasa dari Mesir. Hospital ini terletak di Üsküdar (*Scutari*). Pada awal penubuhannya dan ketika Puteri Zeynep masih hidup, hospital ini hanya dikhaskan untuk wanita sahaja

terutamanya daripada golongan miskin. Hospital ini juga memainkan peranan yang sangat penting, terutamanya dalam memperkenalkan bidang baru dalam dunia perubatan ketika itu. Antara bidang yang dipelopori oleh hospital ini ialah teknologi pembedahan terkini dan penjagaan pesakit (Gunergun & Etker, 2009).

Kemudian, ia digunakan untuk menempatkan pesakit yang cedera dalam Perang Balkan pada tahun 1912M sehingga 1913M dan Perang Dunia Pertama. Antara 1920M sehingga 1927M pula hospital ini ditukarkan sebagai pusat penempatan pesakit mental dan dijadikan sebagai klinik neurosurgi pertama di Turki oleh Dr. Abdulkadir Cahit Tuner. Beliau merupakan pakar bedah bahagian neurologi yang terkenal ketika itu. Malah, beliau juga pernah berkhidmat di hospital ini pada tahun 1923M sehingga 1927M. Di hospital tersebut juga, beliau telah berjaya melakukan pembedahan untuk *spinal tumors* dan *brain tumors* (Naderi & Erbengi, 2005). Namun begitu, pada tahun 1935M ia telah diubah kepada hospital bersalin (Gunergun et al., 2004).

Hospital Kanak-Kanak

i. Hospital Kanak-kanak Hamidiye

Hospital kanak-kanak Hamidiye ini atau dalam bahasa Turkiya ialah *Hamidiye Etfal Hastahane-i Âlisi* telah mula dibina pada 12 Mei 1898M dan siap pada tanggal 5 Jun 1899M. Hospital ini diasaskan dalam tempoh pemerintahan Sultan Abdul Hamid II dan berperanan untuk menjaga kebajikan rakyat yang miskin dalam kerajaan 'Uthmaniyyah pada ketika itu dan diletakkan secara terus di bawah seliaan baginda sultan. Tambahan pula, hospital ini merupakan sebuah binaan yang sangat signifikan dan didedikasikan buat anak perempuannya iaitu Hatice Sultan. Kanak-kanak yang mendapat rawatan di hospital ini bukan sahaja datang dari Istanbul, tetapi juga datang dari seluruh pelusuk daerah dalam kerajaan 'Uthmaniyyah. Antaranya ialah dari Konya, Adana dan Kars. Begitu juga dengan latar belakang para pesakit di hospital ini yang bukan sahaja daripada kalangan umat Islam, malah terdapat pesakit bukan Islam daripada keturunan Yahudi, Armenia dan Greek. Dalam bulan Mei 1899M sehingga Februari 1907M, Hospital Kanak-kanak Hamidiye telah menempatkan seramai 18,000 pesakit dan menerima permohonan sebanyak 100,000 orang untuk menerima rawatan di hospital tersebut termasuklah pesakit luar (Özbek, 1999).

PRAKTIKAL PERUBATAN DI HOSPITAL 'UTHMANIYYAH

Kemajuan ilmu dan praktikal perubatan dalam pemerintahan 'Uthmaniyyah, Turki telah bermula sejak abad ke-14M. Ia dilihat menyambung kegemilangan sistem hospital yang pernah wujud dalam era pemerintahan Seljuk di wilayah Anatolia sekitar abad ke-12M. Perkembangan ini berkemungkinan disebabkan oleh pembangunan institusi kesihatan khususnya hospital (*Dârüşşifası*) yang ditubuhkan oleh pemerintah 'Uthmaniyyah melalui amalan wakaf. Walaupun peralatan dan praktikal moden dalam perubatan semakin banyak diamalkan dalam hospital-hospital ini, namun begitu kaedah perubatan berdasarkan sunnah Rasulullah SAW

masih dilaksanakan kerana ia berkesan dan bersesuaian dengan pesakit. Malah, kaedah praktikal ini disusun dan dibukukan oleh para sarjana perubatan pada era tersebut di samping mereka turut merujuk karya-karya perubatan lama dan juga amalan perubatan tradisional turun temurun. Mossensohn (2009) dalam kajiannya menjelaskan bahawa hadis Rasulullah SAW merupakan sumber terpenting bagi 'Uthmaniyyah dalam merujuk hal ehwal berkaitan kebajikan kesihatan. Malah, ini dibuktikan dengan penubuhan Darul Hadis yang mengkhususkan pengajian hadis bagi para pelajar di Madrasah dalam kerajaan 'Uthmaniyyah untuk mempelajari disiplin ilmu tersebut.

i. Ubat-Ubatan Dan Rawatan

Apabila mengkaji berkaitan perubatan dalam era 'Uthmaniyyah, tidak dapat dinafikan bahawa karya terawal dihasilkan ialah *Cerrahiyetul Haniyye* yang dihasilkan oleh doktor yang terkemuka, Şerefeddin Sabuncuoglu. Pada pemeritahan Sultan Mehmet II, beliau mendedikasikan karya ini kepada baginda sultan dan ia kemudiannya dirujuk di kebanyakan hospital dalam 'Uthmaniyyah. Secara ringkasnya, buku perubatan ini adalah hasil terjemahan kitab *at-Tasrif* karya Abu Qasim al-Zahrawi, seorang pakar bedah yang hebat di Andalus. Namun begitu, sarjana 'Uthmaniyyah yang mengkaji buku ini mendapati bahawa bukan sahaja Şerefeddin menterjemahkan karya *at-Tasrif* ini tetapi juga beliau sendiri melakukan eksperimen serta cadangan dan menambah 137 perkara dalam buku tersebut (Michaleas, S. N., Tsoucalas, G., Androutsos, G. & Karamanou, M., 2020). Hal ini termasuklah kaedah rawatan berasaskan sunnah Rasulullah SAW.

Menurut Mossensohn (2009), di antara rawatan yang diaplikasikan ialah menggunakan air terhadap pesakit di hospital 'Uthmaniyyah. Hal ini dilakukan terhadap pesakit yang demam seperti mana saranan Rasulullah SAW untuk meredakan panas menggunakan air. Dalam amalan hospital 'Uthmaniyyah juga didapati rawatan menggunakan air diberikan kepada pesakit mental bagi memberikan kesegaran dan meningkatkan kewarasan mereka. Oleh yang demikian, dapat dilihat hampir di setiap bangunan hospital ini diwujudkan tempat mandi (*hammam*) yang bertujuan memberikan kemudahan kepada pesakit untuk membersihkan diri dan pakaian mereka. Lebih-lebih lagi ia adalah merupakan anjuran di dalam Islam untuk sentiasa menjaga kebersihan.

Selain itu, Gunergun dan Etker (2009) serta dalam penulisan Mossensohn (2009) menjelaskan rawatan berbentuk bekam yang dilakukan oleh Rasulullah SAW turut menjadi amalan dalam institusi kesihatan di 'Uthmaniyyah. Ini seperti yang dicatatkan dalam dokumen penjelajah Perancis, Thevenot yang datang ke wilayah 'Uthmaniyyah pada tahun 1670M dan melihat hal tersebut. Ia dikenakan ke atas tubuh badan atau kepala pesakit bergantung tempat sakit yang dialami oleh mereka. Kebiasaannya rawatan ini mampu merawat sakit kepala dan anggota badan yang lenguh. Salah satu kaedah lain yang dilakukan dipanggil sebagai *mihceme* dan ia bagi merawat kawasan dada, paru-paru dan esofagus yang bermasalah. Kaedah ini juga diilustrasikan dalam buku perubatan *Cerrahiyetul Haniye* seterusnya mengilhamkan pelbagai inovasi perubatan pada abad ke-19M (Kaya, Karatepe, Tok, Onem, Dursunoglu & Goksin, 2009).

Di samping itu, kaedah rawatan seperti *al-Kay* juga telah diaplikasikan dan masih diamalkan pada abad ke-20M. Kaedah ini menggunakan batang besi yang panas yang dikenakan ke atas tempat tertentu di tubuh badan. Cara ini digunakan dalam mengubati masalah buasir, sakit kepala dan penyakit lupa (Mossensohn, 2009). Jika dilihat, wujud hadis berbentuk tegahan berkaitan rawatan ini dalam hadis Rasulullah SAW namun menurut kajian Abur Hamdi Usman & Umar Muhammad Noor (2021) masih terdapat perbincangan dan perbahasan kepada hadis larangan ini. Ulama berbeza pendapat berkaitan rawatan ini kerana melihat kepada riwayat-riwayat hadis yang berbeza seperti hukum larangan dan tegahan serta perlu dielakkan adalah melalui hadis Ibnu Abbas RA dalam Sahih Bukhari. Seterusnya, hadis yang mengharuskan rawatan *al-kay* ini pula melalui riwayat Jabir ibn Abdullah RA manakala ada ulama yang mentafsirkan hukum *al-kay* ini hanya tidak disukai oleh Rasulullah SAW bukan sesuatu yang haram. Oleh yang demikian, kebanyakan saranan yang Baginda SAW nyatakan dalam hadis tidak bersifat ilzam ataupun wajib secara mutlak dan boleh dilakukan mengikut keadaan semasa. Maka, amalan ini telah dilaksanakan dalam institusi kesihatan dalam kerajaan 'Uthmaniyyah.

Seperti yang diketahui umum, amalan berkhatan adalah perkara yang disunatkan dalam Islam berdasarkan hadis Rasulullah SAW dalam bab menjaga kebersihan diri. Oleh yang demikian, perkhidmatan berkhatan turut disediakan dalam hospital kerajaan 'Uthmaniyyah khasnya kepada kepada kanak-kanak seperti di Hospital Kanak-kanak Hamidiye. Institusi ini mencatatkan rekod berkhatan bagi ribuan kanak-kanak dalam kerajaan 'Uthmaniyyah. Sebagai sebuah institusi perubatan yang moden, cara berkhatan di hospital ini agak berlainan kerana caranya tidak menyakitkan. Menurut Özbek (1999), rekod perubatan hospital ini menyebut cara yang terperinci tentang kaedah saintifik yang digunakan untuk mengurangkan kesakitan ketika tempoh berkhatan.

Di samping itu, ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit adalah berunsurkan herba dan makanan yang berkhasiat malah sebahagiannya adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW. Bagi penyediaan makanan untuk pesakit, semestinya mereka diberikan makanan yang halal, bersih dan berkhasiat sesuai dengan jenis penyakit yang dihadapi Antara makanan yang diberikan kepada pesakit di hospital adalah madu. Selain itu, ramuan dalam masakan terdiri daripada bahan-bahan mentah seperti daging kambing, garam, gandum, tepung, daun parsli, bawang, cili, beras, minyak, gula, anggur, kanji, kulit kayu manis, safron, susu masam (yoghurt), kacang almond dan lain-lain (Boyar & Fleet, 2010). Jika diteliti, memakan madu mempunyai khasiat penyembuhan penyakit menurut hadis Rasulullah SAW dan ia sesuai diberikan kepada pesakit di hospital. Manakala, Mossensohn (2009) menyatakan ramuan seperti madu digunakan dalam menyeimbangkan rasa dalam makanan yang dihidangkan kepada para pesakit. Hal ini dijelaskan oleh Deligöz (2014) dalam kajiannya berkaitan Hospital Fatih iaitu sebanyak 7488 kilogram madu setahun digunakan dalam makanan di dapur awam yang turut mengagihkan makanan kepada para pesakit.

ii. Pengurusan Pesakit

Kaedah pengurusan para pesakit yang dimasukkan ke hospital adalah sangat sistematik. Oleh kerana sebahagian besar hospital ini merupakan hospital yang dibiayai oleh dana wakaf, maka pentadbirannya lebih tersusun dan perkhidmatannya adalah percuma. Hal ini dapat dilihat dalam catatan dokumen wakaf Sultan Mehmet II yang menulis bahawa peruntukkan wang sebanyak 461,417 *akçes*¹¹ untuk makanan pesakit di hospital serta 72,000 *akçes* untuk kegunaan bahagian hospital secara umum (Mansel, 2011).

Jika diteliti, hospital-hospital ini juga mengikuti garis panduan yang ditetapkan dalam Islam seperti pengasingan tempat rawatan di antara pesakit lelaki dan perempuan. Masing-masing mempunyai ruangan yang berbeza dan ini memberi suasana privasi kepada pesakit. Mossensohn (2009) dalam tulisannya memberikan gambaran berkaitan layanan hospital kepada pesakit mental ialah mereka akan diberikan rawatan serta disediakan katil yang bersih, makanan dan terapi minda dan fizikal. Para pesakit di hospital tidak mempunyai had masa untuk tinggal di hospital dan ia bergantung kepada keadaan kesihatan mereka.

Celik dan Elcioglu (2005) menjelaskan bahawa proses pengkebumian pesakit yang meninggal dunia di hospital akan dilakukan jika ia berlaku semasa mereka dirawat di sana. Hospital Fatih sebagai contoh mempunyai penggali kubur, imam dan penjaga pintu yang bertugas dalam hal-hal berkaitan kematian dan pengkebumian jenazah. Kos pengkebumian diperuntukkan sebanyak 5 *akçes* setiap hari. Mossensohn (2009) juga menerangkan bahawa pihak hospital turut bertanggungjawab untuk memandikan dan mengkafankan jenazah pesakit serta mengebumikannya di tanah perkuburan.

KESIMPULAN

Seiring dengan pesatnya pembangunan institusi kesihatan seperti hospital dalam kerajaan 'Uthmaniyyah, kaedah perubatan yang diaplikasikan dalam institusi tersebut juga bertambah moden dan pelbagai. Namun begitu, penjagaan kesihatan berunsurkan praktikal Rasulullah SAW masih diamalkan kerana ia dibuktikan mampu meningkatkan kesihatan yang baik kepada tubuh badan. Melalui sunnah Rasulullah SAW juga pelbagai tatacara berhubung pengurusan kesihatan dan kebajikan ditekankan dalam memastikan masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang baik. Bahkan, kerajaan 'Uthmaniyyah melihat bahawa penjagaan kesihatan bukan semata-mata terhadap diri sendiri tetapi juga perlu disediakan oleh pemerintah kepada rakyat secara menyeluruh. Oleh yang demikian, penjagaan kesihatan digabungkan dengan amalan kebajikan dalam satu institusi kesihatan yang berunsurkan wakaf.

¹¹ Nilai mata wang kerajaan 'Uthmaniyyah.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil penulisan di bawah Geran Penyelidikan Nasional Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris berjumlah RM5,000 selama setahun.

RUJUKAN

- Abdul Bari Awang & Ahmad Akram Mahmad Robbi. (2020). Sains Kesihatan: Perubahan dalam Konteks Tasarrufat Nabawiyah. *Sains Humanika*, 12(2), 1-8. DOI: <https://doi.org/10.11113/sh.v12n2.1499>.
- Abdul-Ramae Sulong. (2013). *Pemikiran Turki Uthmaniyah Menurut Syeikh Wan Ahmad b. Muhammad Zain al-Fatani dalam Bukunya Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia]. <http://eprints.usm.my/id/eprint/43570>.
- Abu Hanifah Haris. (2020). Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad ke-14 hingga Abad ke-20. *Journal of al-Tamaddun*, 15 (1), 85-107. DOI: <https://doi.org/10.22452/JAT.vol15no1.6>.
- Abur Hamdi Usman & Umar Muhammad Noor. (2021). Relevansi Rawatan al-Kay Menurut Perspektif Hadis Nabawi dalam Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0. Dlm. Hamzah Omar, Phayilah Yama, Nurhanisah Senin, Nor Hasanah Mohd Yusoff, Mustafa Kamal Amat Misra, Ahmad Shahir Masdan (ed.). *Pemantapan Akidah dan Hadis Melalui Aplikasi Teknologi Industri Revolusi 4.0. Penerbit Institut Kajian Hadis* (1-10). (INHAD) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. (1997). *Sahih al-Bukhari*. Darul Salam.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn. Ismail. (2021). *Sahih al-Bukhari* (Terj.). Syihabudin Ahmad. Santai Ilmu Publication.
- Al-Duwaisiri, Hammad bin Abdullah Ibrahim (2016). *Al-Sihhah wa al-Maradh*. Al-Salam Publishing.
- Ayduz, S. (2004). Science and Related Institutions within the Ottoman Administration during the Classical Period. *FST Journal*, 2-20. <https://www.muslimheritage.com/uploads/OttomanInstitutions.pdf>.
- Ayduz, S. (2007). Süleymaniye Medical Madrasa (Dār al-Tib) in The History of Ottoman Medicine. *FST Journal*, 1-16. https://www.muslimheritage.com/uploads/Suleymaniye_Medical_Madrasah.pdf.
- Bakır, B. & Başağaoğlu, İ. (2006). How Medical Functions Shaped Architecture in Anatolian Seljuk Darüşşifas (hospitals) and Especially in The Divriği Turan Malik Darüşşifas. *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine (JISHIM)*, 5, 64-82. <https://www.ishim.net/ishimj/910/JISHIM%20NO.10%20PDF/09.pdf>
- Boyar, E. & Fleet, K. (2010). *A Social History of Ottoman Istanbul*. Cambridge University Press.
- Celik, A. & Elcioglu, O. (2005). The mission of *darüşşifa* (hospitals) in charter of waqfs of Mehmed the Conqueror II. *Journal of the International Society for*

- the History of Islamic Medicine* (JISHIM), 4(8).
https://www.ishim.net/ishimj/jishim4_7_8/Vol4No7/celik.doc.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Utusan Publications.
- Clark, P. (2010). *Istanbul: A Cultural and Literary History*. Signal Book Ltd.
- Deligöz, H. (2014). The legacy of vakıf institutions and the management of social policy in Turkey. *Administrative Culture*, 15(2), 179-203.
<https://halduskultuur.eu/journal/index.php/HKAC/article/view/128/122>.
- Fadhilah Mustapha & Maisarah Hasbullah. (2021). Kemasukan Sains dan Teknologi dari barat ke dalam Kerajaan Uthmaniyyah pada Abad ke -18 dan Abad ke-19: Satu Penilaian Sejarah. *Sejarah: Journal of History Department University of Malaya*, 30 (1), 20-42. DOI: <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol30no1.2>.
- Gunergun, F. & Etker, Ş. (2009). Medicine. In Gábor Ágoston & Bruce Masters (Eds.), *The Encyclopedia of The Ottoman Empire* (pp. 357-362). Facts on File, Inc.
https://ia601006.us.archive.org/13/items/encyclopediaofottomanempirebygagostonandbmasters_201909/Encyclopedia%20of%20Ottoman%20Empire%20by%20G.%20Agoston%20and%20B.%20Masters.pdf.
- Heybeli, N. (2009). Sultan Bayezid II Külliyesi: One of the earliest medical schools-founded in 1488. *Clinical Orthopaedics and Related Research*, 467(9), 2457-2463. DOI:10.1007/s11999-008-0645-1.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015). Garis Panduan bersama Kawalan Ubat-Ubat dalam Islam. <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/462-garis-panduan-bersama-kawalan-ubat-ubat-dalam-islam>.
- Kahya, E. & Erdemir, A.D. (1997). *Medicine in the Ottoman Empire (and other scientific developments)*. Nobel Medical Publications LTD ŞTİ.
- Kaya, S., Karatepe, M., Tok, T., Onem, G., Dursunoglu, N. & Goksin, I. (2009). Were Pneumothorax and its management known in 15th-century Anatolia? *Texas Heart Institute Journal*, 36 (2), 152-153.
<https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/19436812/>.
- Mansel, P. (2011). *Constantinople: City of The World's Desire 1453-1924*. John Murray.
- Mas'ud, I., Awang, M. Z., Amir Ramli, N. A. & Binti Mohamad Shafi, S. (2021). Konsep Hospital Mesra Ibadah: Tadbir Urus Berasaskan Maqasid Al-syariah Dan Peranan Zakat. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 1(2), 71-90. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol1no2.31>.
- Michaleas, S. N., Tsoucalas, G., Androutsos, G. & Karamanou, M. (2020). Şerefeddin Sabuncuoğlu: A Pioneer Surgeon of the Ottoman Era. *Erciyes Med J*, 42(3), 350–353. [https:// DOI: 10.14744/etd.2020.10476](https://doi.org/10.14744/etd.2020.10476).
- Mossensohn, M. S. (2003). Charity and Hospitality: Hospitals in the Ottoman Empire in the Early Modern Period. *Poverty and Charity in Middle Eastern Contexts*. New York Press.
- Mossensohn, M. S. (2009). *Ottoman Medicine: Healing and Medical Institutions (1500-1700)*. State University of New York Press.

- Naderi, S. & Erbeni, A. (2005). History of neurosurgery and neurosurgical applications in Turkey. *Surgical Neurology*, 64, 115-122. [https:// DOI: 10.1016/j.surneu.2005.07.062](https://doi.org/10.1016/j.surneu.2005.07.062).
- Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali. (2016). Perkembangan Institusi Wakaf Kesehatan (Darussifa) dalam Kerajaan Uthamniyyah. *Sains Insani*, 1(1), 55-60. [https://DOI: https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol1no1.9](https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol1no1.9).
- Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali. (2017). Pembinaan Institusi Wakaf Kesehatan di Istanbul pada Tahun 1470 M (Hospital Fatih). *ISLAMIYYAT*, 39(2), 153–164. <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3902-07>.
- Özbek, N. (1999). The Politics of Poor Relief in The Late Ottoman Empire 1876-1916. *New perspectives on Turkey*, 21, 1-33. [https://doi: 10.1017/s0896634600006361](https://doi.org/10.1017/s0896634600006361). PMID: 22039633.
- Pulular, A., & Levy, R. (2021). The Külliye of Sultan Bayezid II – Psychiatry in history. *The British Journal of Psychiatry*, 219(6), 631-631. doi:10.1192/bjp.2021.108
- Sari, N., Aydın, B. Z. & Cenk Buyukunal, S. N. (2005). Hamidiye-i Etfal Children's Hospital the First modern Pediatric Surgical Department in Turkey. *Proceedings of the 38th International Congress on the History of Medicine*, Ankara Turki, 2005, 1439-1445. [https://www.academia.edu/51698502/Hamidiye_etfal_childrens_hospital_the_f%C4%B1rst_modern_pediatric_surgical_department_in_turkey](https://www.academia.edu/51698502/Hamidiye_etfal_childrens_hospital_the_first_modern_pediatric_surgical_department_in_turkey).
- Sayili, A. M. (1941). *The institutions of science and learning in the Moslem world*. [Unpublished doctoral dissertation]. University of Harvard.
- Wan Esma Wan Ahmad & Hamdi Ishak. (2021). Prinsip Pemahaman dan Pengamalan Makanan Sunnah. *Jurnal al-Turath*, 6(1), 56-68. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/download/145/118>.